



30 JUN, 2022

## SESB teruskan usaha banteras sambungan haram

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2



LEBIH 271.5kg wayar dan kabel penyambungan haram bekalan elektrik dirampas dalam operasi itu.

## SESB teruskan usaha banteras sambungan haram

SANDAKAN: Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) melaksanakan ratusan operasi membanteras aktiviti mencuri elektrik atau penyambungan haram di kawasan penempatan setinggan setiap tahun untuk mengekang dan mengawal aktiviti tersebut.

SESB melalui media cetak dan elektronik juga tidak jemu mendidik anggota masyarakat mengenai bahaya aktiviti seperti itu bukan sahaja kepada pelaku penyambungan haram berkenaan tetapi juga kepada harta-benda dan orang awam.

"Penyambungan elektrik secara haram dan tidak selamat oleh penghuni penempatan setinggan meningkatkan risiko keselamatan seperti kebakaran akibat litar pintas serta terkena renjatan elektrik," Ketua Pegawai Eksekutif Ir Ts Mohd Yaacob Haji Jaafar berkata dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Isnin lepas, seramai 48 warga kerja

teknikal SESB dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Tenaga, Majlis Daerah Sandakan (MPS) dan Jabatan Imigresen telah melaksanakan operasi membanteras sambungan haram di Kampung Mangkalinau dan Bandar Leetat, di sini, bermula dari jam 9 pagi hingga 1 tengah hari melibatkan 60 rumah.

Sejumlah 271.5kg wayar dan kabel yang digunakan untuk penyambungan haram bekalan elektrik telah dirampas.

Ir Ts Mohd Yaacob berkata SESB akan meneruskan operasi seperti itu dari semasa ke semasa.

"Orang ramai serta pemimpin masyarakat dinasihatkan agar menyalurkan maklumat segera jika mengesan perbuatan penyambungan haram di kawasan masing-masing untuk tindakan segera pihak SESB kerana perbuatan seperti itu selain menyebabkan kerugian kepada SESB, ia juga tidak selamat," katanya.